

Ajensi2 kerajaan beri faedah keseluruhan masyarakat: Dr. M

BF 26 OKT 1978

KUALA LUMPUR, Rabu — Ajensi-ajensi Kerajaan bukan ditubuhkan untuk kepentingan sesuatu kaum sebaliknya untuk memberi faedah kepada keseluruhan masyarakat, demikian Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di Dewan Rakyat hari ini.

Sewaktu menjawab pertanyaan Encik Chan Teck Chan (DAP - Kota Melaka), Timbalan Perdana Menteri menyatakan ajensi-ajensi Kerajaan di tubuhkan untuk menjalankan Dasar Ekonomi Baru dalam pembasmian kemiskinan tanpa

mengira kaum dan dalam penyusunan semula masyarakat.

Encik Chan menyatakan dalam soalan beliau yang ajensi-ajensi Kerajaan ditubuhkan untuk membentuk sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian di kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputera.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa ajensi-ajensi Kerajaan mengadakan program-program bagi menggalakkan golongan Bumiputera menceburkan diri di bidang ekonomi dan perdagangan.

Katanya lagi, per-

untukan kepada ajensi-ajensi tersebut adalah menyeluruh dan bukan semata-mata untuk membentuk masyarakat perdagangan di kalangan orang Melayu dan Bumiputera.

Faedah

Kepada satu soalan lain oleh Datuk Stephen Evans (BN - Keningau), Dato Seri Dr. Mahathir menegaskan rancangan pembangunan ekonomi negara juga tidak dirancang berasaskan untuk faedah satu-satu kaum tertentu.

Katanya, rancangan pembangunan adalah untuk memperbaiki golongan yang miskin dan

mundur tanpa mengira kaum.

Datuk Evans bertanya sama ada Kerajaan sedar tentang keadaan buruk dari segi ekonomi kaum Murut di Sabah.

"Dalam rangka mengadakan rancangan untuk menghapuskan kemiskinan, kaum Murut yang termasuk dalam golongan miskin turut mendapat faedah ini," kata Dato Seri Dr. Mahathir lagi.

Dilakukan

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk tujuan ini di Sabah termasuk penempatan semula petani-petani dalam rancangan tanah baru, pemulihan semula tanah melalui koperasi pembangunan desa dan pelancaran rancangan ekonomi rakyat.

Rancangan pembangunan di Sabah juga meliputi penyediaan kemudahan latihan kepada belia-belia mengenai cara pertanian moden serta meluaskan skim kredit luar bandar kepada pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu, tegas Dato Seri Dr. Mahathir, Kerajaan juga memberi kemudahan pelajaran dan perubahan yang lebih baik untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat Sabah dan

kedudukan ekonomi mereka.

"Segala tenaga dan usaha sedang dilakukan oleh pentadbiran khususnya Kerajaan Negeri untuk mempercepat proses pembangunan kawasan pedalaman Sabah.

"Dalam hubungan ini adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri telahpun menetapkan seorang pegawai kanan untuk menyelaraskan program tersebut untuk mencapai tujuan yang diharapkan," tambah beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir kemudiannya menafikan bahawa pegawai Kerajaan di Sabah mempunyai sikap acuh tak acuh dan sengaja melambat-lambatkan kerja di sebuah Jabatan Kerajaan di Sabah.

Sewaktu menjawab satu pertanyaan lain Datuk Eans, beliau menyatakan Jabatan Penilaian Kota Kinabalu kini menghadapi kekurangan kakitangan teknikal dan seorang pegawai penilaian dari Semenanjung telahpun dihantar ke sana.